

11/03/1997

HKL kendali lebih 210,000 kes trauma

KUALA LUMPUR, Selasa - Hospital Kuala Lumpur (HKL) mengendalikan lebih 210,000 kes trauma atau kecederaan akibat kemalangan tahun lalu, meningkat 30 peratus berbanding tiga tahun lalu.

Berikutan itu, selaras usaha meninggikan perkhidmatan perubatan, satu kongres pertama Perubatan Kecemasan Asia akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) selama tiga hari, bermula 3 April ini.

Kongres anjuran bersama Persatuan Traumatologi dan Perubatan Kecemasan Malaysia (Mastem), Kementerian Kesihatan dan ABC Exhibition itu akan memberi tumpuan kepada perubatan kecemasan, traumatologi dan perubatan sukan.

Ketua Jabatan Perubatan Kecemasan dan Perkhidmatan Traumatologi HKL, Dr Abu Hassan Asaari Abdullah, berkata ini termasuk persediaan peralatan ketika menghadapi kecemasan dan bencana, keselamatan dan kesihatan, pemulihan, rawatan di rumah dan makmal perubatan.

Menurutnya, kongres yang dijangka dihadiri kira-kira 500 peserta dari seluruh dunia itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamd.

"Malaysia kini berkembang pesat ke arah menjadi sebuah negara industri dan ia secara tidak langsung turut menyebabkan kes trauma atau kecederaan meningkat.

"Walaupun kita memiliki sebuah pusat kemudahan perubatan yang terbaik di rantau sebelah sini, mutu perkhidmatan kecemasan perlu ditingkatkan sejajar," katanya ketika ditemui di pejabatnya di HKL hari ini.

(END)